UCAPAN YB DATO' SERI UTAMA DR.RAIS YATIM, MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN DI PROGRAM ISWAMI MALAYSIA /INDONESIA DI BUKIT TINGGI, SUMATRA, INDONESIA.

TARIKH: 24 SEPTEMBER, 2011.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berbahagia Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan berserta Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Ghaffar. Yang Berbahagia Datuk Chamil Wariya, Timbalan Pengerusi ISWAMI Malaysia. Yang Berbahagia Tan Sri Zainuddin Maidin, rakan saya bekas Menteri Penerangan Malaysia. Yang Berbahagia Dato' Firdaus Abdullah, rakan budayawan dan wartawan dari Malaysia. Yang dikasihi saudara Saiful. Yang Berbahagia ketua-ketua kumpulan budayawan dan wartawan dari Sumatra barat dan Indonesia. Yang dikasihi Ketua-ketua adat dan pecinta-pecinta budaya tanah air di Malaysia dan juga di Indonesia, rakan-rakan seperjuangan untuk menentukan masa depan puisi seperti Bapak Taufiq Ismail dan lain-lain, para peserta, para penulis, wartawan dan pimpinan ISWAMI yang dikasihi sekalian.

Setelah mendengar ucapan Bapak Gubenor sebentar tadi, tentu sekali saya yang menyampaikan ucapan ringkas ini bagi mengutarakan sambutannya berasa kelunakan yang jelas dalam pemikiran kita. Bukan hajat saya untuk merumus semua yang beliau telah curahkan dalam bentuk penyampaian tadi, tetapi ada dua perkara yang saya lihat amat penting kita fikirkan, fahamkan dan seterusnya amalkan.

Pertama ialah seruan beliau supaya kita mewujudkan diplomasi lembut. Yang kedua ialah seruan beliau supaya kita tidak berkonflik dan kalau saya boleh tambah yang berikutnya, kita menentukan hal ehwal yang kita sama-sama rasakan, amalkan sebagai identiti persamaan. Jadi menyentuh tentang diplomasi lembut ini, lantaran sebagai bekas MENLU Malaysia (Menteri Luar) harus saya katakan ungkapan lama, *kok tagang*. Di sini bila disebut *tagang,* tuan-tuan mengangguk kepada yang lain mungkin. *Kok tagang berjelo-jelo.*

Yang keduanya ialah kalau lembut ianya berdenting-denting. Jadi bagaimana kita nak buat begitu? Benda yang tegang tentu kita tak dapat jela-jelakan. Benda yang lembut, tak boleh kita tegang-tegangkan tapi dalam diplomasi dunia, boleh. Bermakna sifat manusia yang garang itu perlu kita lembutkan dalam suasana budaya, dalam suasana bahasa, dalam suasana industri kreatif dan suasana-suasana yang lain. Jadi oleh kerana sebahagian di sini adalah warga yang berbahasa Minang juga, ungkapan tadi saya pelajari dari org tua-tua di Palupuh yakni yang di bawa ke Malaysia pada tahun 1920an dan manakala saya lahir selepas Jepun datang ke Malaya maka ungkapan itu diajarkan kepada kita. Lagi satu ialah *kok rimau bana dalam paruik, kambiang sajo nan dikaluankan.*

Jadi adinda atau anakanda Gubenor sudah memegang prinsip ini dan cara beliau menyampaikan itu adalah menerusi kaedah yang insaf. Barangkali lantaran beliau mengaji juga di Kuala Lumpur, di Universiti Putra, lantaran beliau juga meneliti ini dari Hikayat Bundo Kanduang atau Rambun Pamenan ataupun hikayat-hikayat yang sudah pun termasyhur sebelum Taufik Al-Hafiz diwujudkan dalam dunia persuratan kita. Usah saya panjang lebar menyampaikan hal-hal yang lain tetapi falsafah itu adalah falsafah yang akan membawa kita kepada satu realisasi yang akan memajukan bangsa kita. Hal-hal yang berkaitan dengan perkara-perkara, program dan kegiatan kita, mari kita lihat selepas ini sebagai sesuatu yang harus kita kupas bersama.

Izinkan saya dalam perenggan utama ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ISWAMI dan juga urus setia Bukit Tinggi dengan bantuan Bapak Gubenor dan adinda Menteri Penerangan dan Informatika Indonesia yakni adinda Tifatul Sembiring. Tepuk sedikit bagi mereka. Setelah menyatakan terima kasih begitu, saya sahut balik apa yang telah disebut oleh saudara Saiful yang memberikan keutamaan kepada hubungan dan jalinan antara kita. Kita mempunyai pengalaman menerusi kunjungan-kunjungan yang lalu. Kita sudah bertemu di Kuala Lumpur, di Surabaya dan kini di Bukit Tinggi. Memang Bukit Tinggi saya tidak boleh ketepikan dalam istilah penghargaannya.

Jornihnya air di sungai Tanang,
Minuman orang di Bukit Tinggi,

Kini takana tuan nan sanang,
Baru lah baban untuk kami.

Tapi lagu yang tradisional itu, keloknya lain sikit. Jadi pagi ini kita kelokkan begitu supaya pertemuan kita di K.L, di Jakarta, di Surabaya dan kini di Bukit Tinggi harus kita manfaatkan. Berapa ribu sudah seminar diajukan oleh manusia. Dari PBB sampai ke Kuala Lumpur tetapi masalahnya ialah turutan, susulan, tindakan, terjemahan.

Jadi dengan keadaaan sedemikianlah, saya mengambil kesempatan bagi perjuangan bangsa serumpun, budaya serumpun dan semua yang disebut oleh adinda Gabenor tadi, mari kita jadikan sebagai batu sempadan menentukan tempat depan kita dan masalah yang harus kita atasi bersama. Banyaklah yang boleh kita katakan oleh kerana antara Indonesia dan Malaysia. Kalau sehari suntuk kita pun berseminar tak habis tentang persamaan. Sebenarnya kita ni satu. Jadi dalam keadaan kita satu itulah, kita harus mencari jalan bagaimana yang satu itu tidak menjadi masalah bagi kita. Jadi lantas saya mengesyorkan, mari kita wujudkan persefahaman di atas persefahaman dan kita ketepikan hal-hal perbezaan.

Yang berikutnya ialah tentang, kita untuk membawa nilai hidup masyarakat moden. Saudara-saudari dan saya sama terhimpit hari ini. Terhimpit oleh nilai yang negatif. Nilai ini bukan dibawa oleh orang kita. Oleh Malaysia atau Indonesia, Nilai ini dibawa oleh orang luar dan saya boleh sebutkan apa alat yang digunakan oleh mereka. Tetapi mungkin ada yang kecil hati nanti mengatakan,' dia kolot'. Menerusi internet kita dibudayakan setiap jam, setiap minit, setiap detik. Apa alat yang mereka gunakan, samada *Facebook* ataupun *Twitter*. Kita harus bijak memilih yang mana mengukuhkan bangsa kita, yang mana mengukuhkan kaum kita, budaya kita. Dalam sistem itu, nilai-nilai positif cukup banyak, tapi yang disohorkan nilai-nilai yang negatif. Nilai-nilai inilah yang meracuni pemikiran dan anak-anak kita, generasi muda kita; Dan kita sebagai budayawan, sebagai penulis, tidak mampu seolah-olah tidak mampu menghadapi mereka ini secara intelektual dan secara pragmatis untuk dunia masa depan.

Ini menjadi beban kepada kami di KL. Barangkali menjadi beban juga bagi kami di Bukit Tinggi di masa akan datang. Akan adakah orang-orang yang masih boleh bersaluang, bersilik, 10 tahun akan datang? Di Klang yang dinamanya dulu Kolang oleh orang Minang kita di sini. Atau mungkin masih adakah budaya-budaya yang kita sama sahami di Bukit Tinggi dalam tempoh dua dekad dari sekarang. Mesti kita fikirkan ini bagi *survival* anak-anak kita dan kita tidak boleh telan semua yang dicucurkan ke dalam mulut kita untuk dipakai.

Setelah mengatakan begitu, di samping mengucapkan terima kasih kepada Bapak Tifatul, Bapak Irwan, dan juga Bapa Wali kota yang dikasihi sekalian. Kita jadikan lah pertemuan kita ini sebagai satu kegiatan yang akan kita susul dan susul dan jadikan sebagai pegangan perjuangan akan datang. Cadangan yang telah dihamburkan termasuk yang disebut oleh saudara Saiful, kita akan kotakan; Dan akan kita jadikan sebagai tanda hormat kepada bangsa kita, dari sudut antropologinya, dari sudut budayanya, dari sudut bahasanya. Jika kita lihat masyarakat kuat, kononnya, Amerika dan United Kingdom, mereka kuat lantaran industri kreatif mereka disatukan. Tidak habis dengan Hollywood, mereka ada Pinewood di UK. Tidak cukup dengan itu mereka bukukan industri itu. Mereka majalahkan penulisan mereka. Sehingga mereka mengatakan,sekarang nah mereka katakan Bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu. Sebenarnya Bahasa Inggeris adalah bahasa komersial juga. Mari kita jadikan Bahasa Indonesia, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga. Bahasa seni juga dan bahasa komersial juga. Apabila bahasa kita sudah komersial, orang akan angkat topi. Orang akan cari jalan mengatakan indah, *beautiful*. Oleh itu masa bagi kita bertindak masih ada.

Banyak kita menyusur rekod-rekod lama yang sudah diadakan. Seminar-seminar kita yang lama. Boleh kita cari balik apa yang telah kita putuskan, untuk kita perjuangkan bersama. Tetapi bak kata orang kampung saya “nak cukuit jo gigi dan lidoh sajo”. Dan untuk itu kita pohon pemerintah kita masing-masing, untuk memberi sumbangan, untuk membantu kita. Dan justeru kita akan melihat kembali, apa yang boleh kita salur melalui badan-badan bukan kerajaan (BBK) atau NGO. Badan-badan budayawan dan persuratan kita. Kita perteguhkan balik jawatankuasa istilah Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara Jakarta dan Kuala Lumpur mesti kita cari jalan agar bahasa kita mempunyai lunas-lunas am dan juga lunas-lunas istilah yang

terpakai di seluruh Nusantara Indonesia, Singapura, Malaysia, Selatan Thai dan lain-lain. Pemikiran beginilah yang saya rasakan perlu ada dalam dada kita masing-masing dalam seminar seperti ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan, saudara-saudari, yang saya kasihi,
Saya seharusnya jangan curi banyak masa, sebab itu saya lantas, apa yang disebut sebagai lari di Kampung. Dari lopak ke lopak, dan dari ruang ke ruang. Apa pun yang kita sebutkan, bangsa serumpun ini adalah satu realiti. Walau apa pun yang kita sebut, budaya serumpun ini ialah realiti. Kukuhnya Amerika dan United Kingdom sebab budaya realiti mereka. Dan kukuhnya Bolllywood, sebab kukuhnya budaya mereka. Jika kita tidak berfikir ke arah itu kita akan hanya seperti “Enau dalam belukar”. Kita jangan seperti itu. Mari kita gunakan rotan, mari kita gunakan akar, mari kita gunakan anau untuk kita bina semula budaya kita, bahasa kita dan juga cerminan hidup kita menerusi sosial dan agama kita.

Bapak-bapak yang dikasihi sekalian,
Memang baik kita berurusan melalui G ke G. Atau kerajaan kepada kerajaan. Ini biarkan. Biarkan Bapak Presiden kita dengan Perdana Menteri saya, meneruskan semua lopak-lopak dan ruang-ruang diplomasi. Kita bantu, tetapi antara kita, yakni, NGO, badan-badan bukan kerajaan, antara penulis-penulis, antara persatuan-persatuan, kita mesti ada hubungan antara KL-Jakarta, KL- Bukit Tinggi, KL-Makasar dan lain-lain, terus ke selatan Thai pun atau ke Brunei atau ke Singapura. Jadi sayap kita mesti luas oleh sebab Nusantara itu besar dan lantaran itu kita harus berfikir besar juga menerusi nilai dan pendekatan kita. Bolehlah saya katakan begini sebagai simpulan:

Kalau galah ia mencapai buah,
Kalau jambatan ia membawa ke seberang,
Kalau keris ini membawa tuah,
Kalau bidok ia menaut kiambang,

Ini ertinya, sebab ahli politik sahaja tidak mampu menautkan. Menautkan ialah seni budaya, budaya kita bahasa kita dan inti sari amalan-amalan budaya kita. Bila Siti Nurhaliza tadi dia sebut, menyanyi, orang semua terima. Kami dulu S. Affendy

menyanyi, kami terima. Malam tadi dia menyanyi kan, Wah! ‘Semalam di Malaya’. Saya tidak boleh lupa lagu itu, berdenyut jantung kita. Jadi, orang yang di Makasar, orang yang di Bukit Tinggi menerusi seni budaya kita halusi produk kita dari situ kita mesti wujudkan industri kreatif antara Indonesia dan Malaysia. Kita sudah lama tidak mencantumkan hal ini, dulu semasa filem-filem P.Ramlee dan D. Haris dengan Junaidah dan lain-lain semuanya ditayangkan, semuanya mendapat pandangan tetapi kini agak sempit bidang ini.

Jadi, kalau begitu, kita wujudkan animasi kita antara Indonesia dengan Malaysia, *Upin dan Ipin* hanya satu daripadanya. Banyak lagi yang di Ipinkan kemudian, boleh kita wujudkan projek-projek dokumentari dan juga filem-filem cereka yang diminati oleh masyarakat kita, tetapi, tentang bahasa lah saya fikir, kita perlu memperjuangkan sesuatu lebih dan jika boleh kita sama-sama mencari jalan bagaimana bahasa Indonesia bahasa Melayu itu diiktiraf sekurang-kurangnya sebagai bahasa rasmi dalam kawasan *South-East-Asia* ataupun di Asia sendiri. Bahasa Jepun, Bahasa Perancis, Bahasa Rusia, Bahasa Arab semua terkenal di PBB. Kenapa tidak Bahasa Indonesia, Bahasa Melayu? Kita persoalkan lantaran 300 juta manusia, terlibat dalam soal ini, setelah kita kumpulkan yang di Indonesia, di Malaysia, di Singapura, di Brunei, di Selatan Thai, di Kampuchea dan di Komponsun di Vietnam. Jadi, soalan, kenapa tidak itu mungkin diselitkan dalam langkah pertama kita pada pagi ini.

Hadirin terhormat saya masih berlari dari lopak tadi jadi jangan saya lamentasi atau merungut apa yang negatif, biar saya usulkan perkara-perkara yang membawa kita ke depan dalam satu semangat yang baru dan disatukan oleh olahan di Bukit Tinggi ini. Saya dengar bahawa kita akan adakan satu ikrar selepas ini. Biarlah ikrar itu kita petik satu perkataan demi satu perkataan dan ertinya itu kita terjemahkan dan kita laksanakan kemudian. Kita wujudkan jawatankuasa bertindak kita selepas ini dan menyusul, kita persembahkan kepada Perdana Menteri kami di Kuala Lumpur. Kita panjangkan hal ini kepada bapak Presiden Indonesia dan seterusnya kepada semua Menteri yang mempunyai tanggungjawab membina Nusa Negara dan Nusantara.
Memang kita berlainan dari segi geografi politik itu tidak mengapa tetapi dari segi degupan jantung budaya kita penulis dan wartawan budayawan mesti bersatu seperti isi dengan kuku selepas ini.

Saudara saudari yang dikasihi sampai saya ke perenggan terakhir. Jika tidak maka seminar ini terlampau banyak saya mengambil masanya. Dalam tempoh dua minit ini kita harus berdepan dengan program-program, kegiatan-kegiatan kita. Jangan terlampau banyak kegiatan kita. Jangan langsung tidak ada. Susulan ini kita carilah jalannya dan kita teguhkan ISWAMI dahulu. Di Kuala Lumpur ISWAMI sudah didaftarkan sebagai satu badan bertauliah. Mungkin di Indonesia kita letakkan tanggungjawab ini agar ia lebih diterima secara meluas dari perjuangan yang kita asaskan dari benda yang kecil kepada yang lebih besar.

Lagi sekali saya mengulangi, kita carilah persamaan kita dan jangan kita sebut banyak tentang perbedaan kita. Dari persamaan-persamaan inilah kita akan merasakan keindahan dan juga produktiviti yang akan kita rasai bersama. Dengan kata-kata itu hanya bagi saya dan isteri untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemimpin kita yang di atas dan kepada setiap yang hadir. Semoga Allah s.w.t merestui perjuangan kita ini dan dalam langkah-langkah berikutnya hendaknya dapat kita tafsirkan dalam bentuk kenyataan jua.

Sekian lah dahulu dan seperti yang saya ungkapkan malam tadi, ini jangan jadi acara terakhir kita. Kita katakan:

Kuih bahulu alah dikirin,
Indak lama lagi sampai lah iyo,
Sekian dahulu sidang hadirin,
Lain kali disambuong pulo.

Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.